

**USUL PERWAKILAN PIHAK PEKERJA SEPANJANG TAHUN 2007  
MAJLIS BERSAMA JABATAN (MBJ) PEJABAT SUK SELANGOR**

<b>Bil.</b>	<b>Usul Yang Dibangkitkan</b>	<b>Tindakan / Maklumbalas Status</b>
1.	Wakil Pembantu Tadbir (P/O) memohon agar <b>pertimbangan kenaikan gred lebih tinggi daripada Pegawai Khidmat Pelanggan</b> (dulu dikenali sebagai Pembantu Tadbir Rendah (Operator Telefon)/(Penyambut Tetamu) Gred N11) diberikan kepada Pembantu Tadbir (P/O) N17. Hal ini kerana peranan dan tanggungjawab Pembantu Tadbir (P/O) lebih berat dan menyeluruh berbanding dengan Pegawai Khidmat Pelanggan.	<p>Mesyuarat mengambil maklum bahawa Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM) telah <b>mengiklankan Gred Kenaikan Pangkat N22 dan N26</b> (kelulusan waran perjawatan di Pejabat Daerah / Tanah).</p> <p>Syarat-syarat yang melayakkan Pembantu Tadbir (P/O) dipertimbangkan untuk dinaikkan ke <b>Gred N22</b> ialah <b>lulus Penilaian Tahap Kecekapan (PTK), matagaji terkini sekurang-kurangnya pada Tangga 18 dan telah berkhidmat tidak kurang daripada 10 tahun.</b></p>
2.	Wakil menyarankan agar sebuah <b>Persatuan Pembantu Tadbir (P/O)</b> yang berdaftar ditubuhkan di Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor. Persatuan ini ditubuhkan bertujuan menjaga kebajikan, program kekeluargaan dan menjadi platform ahli menyuarakan pendapat.	<p><b>Jawatankuasa Penaja</b> ditubuhkan terlebih dahulu untuk merangka misi, visi, objektif dan keahlian persatuan ini. Pihak urus setia MBJ akan membantu dalam urusan pendaftaran persatuan kelak.</p> <p>Urus setia telah menerima surat '<b>Cadangan Penubuhan Persatuan Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi), Gred N17</b>' pada <b>27 Disember 2007</b> lalu.</p>

Bil.	Usul Yang Dibangkitkan	Tindakan / Maklumbalas Status
3.	<p>Wakil mencadangkan agar pihak pentadbiran menyediakan <b>tali leher yang khusus kepada Pembantu Tadbir (P/O) lelaki</b>. Manakala bagi Pembantu Tadbir (P/O) wanita, wakil mencadangkan agar pihak pentadbiran menentukan <i>item</i> yang bersesuaian.</p>	<p>Permohonan dibekalkan tali leher kepada Pembantu Tadbir (Perkeranian / Operasi) lelaki telah <b>diluluskan</b>.</p> <p>Namun yang demikian, keputusan ini perlu dikaji semula kerana Kerajaan Negeri Selangor telah menetapkan pemakaian <b>Baju Korporat yang seragam</b> dan tidak memerlukan kakitangan memakai tali leher. Oleh yang demikian, pihak pentadbiran tidak perlu membekalkan tali leher kepada Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi).</p>
4.	<p>Membaiki <b>sistem penghawa dingin di Seksyen Sektor UPEN</b>, memandangkan kepada keadaan yang terlalu sejuk sehingga menimbulkan ketidakselesaan di kalangan kakitangan yang bertugas.</p>	<p>Unit Pengurusan Bangunan SSAAS (UPB-SSAAS) telah menjalankan <b>pemeriksaan</b> di Seksyen Sektor UPEN, didapati kawasan yang dilaporkan sejuk hanya melibatkan bahagian hadapan pejabat am sahaja.</p> <p>UPB-SSAAS telah membuat <b>balancing</b> bagi saluran penghawa dingin di kawasan tersebut untuk menyelesaikan masalah yang dilaporkan.</p>
5.	<p>Membekalkan dan menyelaras <b>pakaian seragam bagi Pembantu Am Pejabat (PAP) lelaki dan wanita</b>. Selain daripada itu, pakaian yang dibekalkan ini perlu berkualiti, menarik dan selesa dipakai.</p>	<p>BKP telah membekalkan <b>dua (2) pasang baju</b> kepada semua PAP yang berkhidmat di Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor.</p> <p><b>Majlis Penyerahan Baju Seragam</b> Kepada PAP telah diadakan pada <b>9 Julai 2007</b> bertempat di <b>Bilik Gerakan Negeri Selangor, Tingkat 21, Bangunan SSAAS</b>.</p>

Bil.	Usul Yang Dibangkitkan	Tindakan / Maklumbalas Status
6.	Memohon agar <b>kebenaran</b> diberikan kepada Pembantu Am Pejabat yang ingin <b>memakai baju melayu pada hari Jumaat</b> .	Pihak pentadbiran <b>tiada halangan</b> berkaitan isu ini malah menggalakkan para pegawai dan kakitangan yang berkhidmat di Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor memakai baju melayu pada setiap hari Jumaat.
7.	Kualiti <b>kasut yang dibekalkan kepada Pembantu Am Pejabat wanita tidak memuaskan dan tidak selesa dipakai</b> . Sehubungan dengan itu, pihak pentadbiran disarankan agar membekalkan kasut yang lebih memuaskan dan selesa di masa akan datang.	BKP telah membekalkan <b>dua (2) pasang kasut</b> kepada semua PAP mulai bulan <b>Mac 2007</b> .
8.	Wakil Pembantu Tadbir Rendah mencadangkan agar BPSM memperbanyak <b>kursus dan latihan</b> berkaitan <b>kemahiran trengkas dan komputer untuk jurutaip dan kakitangan bawahan</b> .	Urus setia telah menghantar senarai pencalonan peserta mengikuti Kursus Kecemerlangan Pembantu Tadbir Rendah <b>ke Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN)</b> . BPSM telah menganjurkan <b>Kursus Kecemerlangan Pembantu Tadbir Rendah</b> pada <b>19-21 Julai 2007</b> bertempat di <b>Rumah Peranginan Kerajaan Negeri Sembilan</b> . Kursus ini telah berjaya mengumpulkan seramai <b>50 orang peserta</b> daripada pelbagai Jabatan/Agensi di Negeri Selangor.

Bil.	Usul Yang Dibangkitkan	Tindakan / Maklumbalas Status
9.	<b>Kekurangan OMPD</b> Di Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor dan Pejabat Daerah / Tanah.	Pihak Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Selangor (SPANS) telah <b>selesai mengiklankan kekosongan jawatan OMPD</b> . Proses <b>temuduga</b> dan <b>pelantikan</b> akan dilaksanakan kelak bagi mengisi kekosongan jawatan sedia ada.
10.	Wakil Pembantu Penguatkuasa memohon agar dipertimbangkan <b>permohonan Anggota Pembantu Penguatkuasa</b> yang telah berkhidmat hampir 20 tahun secara kontrak dan tiada kelayakan kelulusan peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) ke <b>Jawatan Tetap</b> .	Penempatan lantikan baru jawatan Pembantu Penguatkuasa telah dilaksanakan pada <b>15 Februari 2008</b> . Pelantikan ini merangkumi seramai <b>66 orang</b> Pembantu Penguatkuasa dan ditempatkan di <b>Pejabat Daerah / Tanah Negeri Selangor</b> .
11.	Wakil Pembantu Tadbir (Kewangan) memohon agar pihak pentadbiran mempertimbangkan permohonan diberikan <b>insentif khas</b> sebagai penghargaan kepada kakitangan yang bertungkus-lumus menyelesaikan segala tuntutan perbelanjaan mengurus dan pembangunan tahun 2006.	Y.Bhg. Dato' Pengerusi menyatakan <b>penghargaan</b> kepada kakitangan yang telah bertungkus-lumus dan bekerja dengan penuh komitmen bagi menyelesaikan tuntutan perbelanjaan tahun 2006. Namun yang demikian, pemberian insentif khas ini tidak adil kepada kakitangan lain dan akan menimbulkan suasana kerja yang tidak sihat di kalangan kakitangan.

Bil.	Usul Yang Dibangkitkan	Tindakan / Maklumbalas Status
12.	Wakil Pembantu Tadbir (Kewangan) mengesyorkan agar pihak pentadbiran <b>menaiktaraf dan menyediakan tempat letak kereta berbumbung bagi kemudahan kakitangan dan orang awam.</b>	<p>Y.Bhg. Dato' Pengerusi menyarankan agar <b>Unit Pengurusan Bangunan SSAAS mengkaji cadangan ini</b> memandangkan ianya akan memberi kemudahan kepada kakitangan dan orang awam.</p> <p>Pihak pentadbiran bercadang untuk menaiktaraf kemudahan tempat letak kereta, di samping membina bangunan <i>second wing</i> yang baru. Namun yang demikian, ianya memerlukan <b>kajian terperinci</b> memandangkan <b>implikasi kewangan yang tinggi.</b></p>
13.	Wakil Pegawai Khidmat Pelanggan menggesa agar diadakan <b>Kursus Khidmat Pelanggan</b> dan diperbanyakkan <b>Kursus Bimbingan PTK</b> kepada kakitangan agar pendedahan yang seluas-luasnya berkaitan kaedah menjawab soalan peperiksaan di masa hadapan.	Kursus tiga (3) hari dua (2) malam akan dilaksanakan pada bulan <b>April 2008</b> berdasarkan Sasaran Kerja Tahunan (SKT) BPSM 2008.
14.	Wakil Pegawai Khidmat Pelanggan mencadangkan agar <b>Anugerah Menunaikan Fardhu Haji Negeri Selangor</b> diberikan keutamaan kepada kakitangan yang telah <b>berkhidmat 30 tahun atau lebih</b> dan mendapat <b>Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC).</b>	Perkara ini telah dibincangkan di dalam <b>Mesyuarat Panel Anugerah Menunaikan Fardhu Haji Negeri Selangor</b> untuk diberikan pertimbangan selanjutnya. Anugerah ini <b>hanya ditawarkan kepada pegawai yang belum pernah menunaikan fardhu haji</b> (kali pertama) sahaja.

	Selain daripada itu, Wakil Pegawai Khidmat Pelanggan turut mencadangkan agar anugerah ini <b>turut diberikan kepada kakitangan yang telah menunaikan fardhu haji kali pertama.</b>	
15.	Wakil Pegawai Khidmat Pelanggan memohon agar jawatan <b>Penyelia Telefonis</b> diwujudkan di dalam skim perkhidmatan Pegawai Khidmat Pelanggan.	<b>Surat lantikan</b> telah dikeluarkan oleh BPSM bagi melantik Penyelia Telefonis.
16.	Wakil Pekerja Rendah Am memohon agar <b>kursus dan latihan kemahiran MLVK</b> diberikan kepada jurugegas dan juruelektrik bagi meningkatkan pengetahuan dan kemahiran teknikal berhubung bidang tugas masing-masing.	Y.Bhg. Dato' Pengerusi menyarankan agar BPSM menyelaraskan perkara ini. Manakala <b>kos pembiayaan akan ditanggung oleh BKP.</b>  Wakil Pekerja Rendah Awam mencadangkan agar kursus latihan kemahiran ini diikuti di <b>Institut Kemahiran Bina Negara (IKBN)</b> kerana modul yang disediakan lebih relevan dengan bidang tugas dan tidak melibatkan kos yang terlalu tinggi.
17.	Wakil Pekerja Rendah Am mencadangkan agar jurugegas dan juruelektrik dilindungi <b>insurans CIDB</b> untuk kerja-kerja teknikal.	Encik Hisham Bin Mamat, Pembantu Teknik sedang menguruskan permohonan polisi insurans dengan pihak CIDB. Namun yang demikian, permohonan ini memerlukan <b>seramai 40 orang peserta sebagai pra-syarat dan caj bayaran sebanyak RM50.00</b> dikenakan untuk polisi insurans selama dua (2) tahun.

Bil.	Usul Yang Dibangkitkan	Tindakan / Maklumbalas Status
18.	Pembantu Tadbir (Kesetiausahaan) mencadangkan agar para <b>Pelapor Perbahasan</b> diberikan insentif berbentuk lawatan sambil belajar.	Kakitangan Bahagian Kewangan diberikan insentif <b>Lawatan Kerja ke Pejabat Ketua Menteri Sarawak</b> pada <b>8-10 Julai 2007</b> .
19.	Wakil Pembantu Tadbir (Kesetiausahaan) (PA) mencadangkan agar pembayaran <b>elaun</b> para <b>Pelapor Perbahasan</b> dijelaskan berdasarkan kepada <b>sesi pelaporan</b> dan bukannya harian. Selain daripada itu, wakil turut mencadangkan agar elaun ini <b>dinaikkan daripada RM 30.00 kepada RM 60.00</b> bagi setiap sesi pelaporan.	Peruntukan di bawah <b>PTJ Pejabat Dewan Undangan Negeri Selangor</b> . Namun yang demikian, kadar elaun <b>masih kekal</b> iaitu RM30.00 bagi setiap sesi pelaporan kerana memerlukan kajian lanjut.
20.	Wakil Pembantu Tadbir (Kesetiausahaan) menyarankan agar diadakan kursus-kursus yang berkaitan bagi <b>meningkatkan kualiti perkhidmatan dan komunikasi</b> di kalangan PA.	<b>Kursus Kecemerlangan Pembantu Tadbir (Kesetiausahaan)</b> telah diadakan pada <b>6-9 Julai 2007</b> melibatkan para peserta daripada semua Bahagian / Seksyen / Unit di Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor dan Pejabat Daerah / Tanah.
21.	Wakil Pembantu Tadbir (Kesetiausahaan) mencadangkan agar Ketua-Ketua Jabatan dan PA diraikan dalam sambutan <b>Minggu Setiausaha</b> setiap tahun.	<b>Pihak Kumpulan Darul Ehsan Berhad (KDEB)</b> telah <b>menaja empat (4) buah meja</b> untuk meraikan Pembantu Tadbir (Kesetiausahaan) yang berkhidmat di Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor sempena Minggu Setiausaha <b>'Dazzle With Ziana'</b> pada <b>18 April 2007</b> lalu bertempat di <b>Dewan Banquet, Majlis Bandaraya Shah Alam</b> .

Bil.	Usul Yang Dibangkitkan	Tindakan / Maklumbalas Status
22.	Wakil Pengawal Keselamatan mencadangkan agar pihak pentadbiran menyediakan <b>kiwi kasut</b> dan dijadikan sebagai barang inventori di setor bagi kemudahan Pengawal Keselamatan mengilatkan kasut masing-masing.	BKP memaklumkan kemudahan seperti <b>kiwi kasut, berus dan kain</b> telah disediakan di <b>Unit Stor</b> untuk kemudahan Pengawal Keselamatan.
23.	Wakil Pengawal Keselamatan turut mencadangkan agar pihak pentadbiran memberikan <b>pelepasan</b> kepada <b>pengawal keselamatan lelaki beragama Islam memakai Baju Melayu pada setiap hari Jumaat</b> .	Y.Bhg. Dato' Pengerusi <b>mengalu-alukan hasrat</b> tersebut, namun yang demikian Pengawal Keselamatan perlu sentiasa memakai pakaian seragam yang dikhaskan agar <b>mudah dikenali</b> dan <b>seragam</b> . Sehubungan dengan itu, Pengawal Keselamatan perlu memakai pakaian seragam pada setiap hari Jumaat.
24.	Wakil Juruteknik mencadangkan agar penghargaan berupa <b>surat penghargaan</b> dan <b>cenderahati</b> diberikan kepada kakitangan yang telah <b>berkhidmat selama 20 tahun atau lebih</b> di Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor.	Urus setia akan mengadakan <b>Majlis Khas bagi meraikan penjawat awam yang telah bersara dan bakal bersara</b> pada bulan <b>Mei atau Jun 2008</b> kelak. Selain itu, urus setia turut mengenalpasti para pegawai dan kakitangan yang telah <b>berkhidmat melebihi tempoh 20 tahun</b> untuk diraikan dalam majlis berkenaan kelak. Senarai penuh nama pegawai berkenaan telah diperolehi.



Bil.	Usul Yang Dibangkitkan	Tindakan / Maklumbalas Status
25.	Wakil Pemandu Kenderaan memohon agar pihak pengurusan <b>membiayai kos pembelajaran dan ujian bagi memperolehi lesen E</b> di Pusat Latihan Memandu kepada para pemandu yang belum memilikinya.	Usul ini telah <b>diluluskan</b> oleh Y.Bhg. Dato' Pengerusi. Pihak urus setia telah menguruskan pendaftaran dan dokumentasi pembiayaan ini. Pentadbiran ini akan menghantar seramai <b>empat (4) orang</b> pemandu setiap tahun bagi menduduki ujian memandu ini. Fasa pertama ini telah dilaksanakan pada <b>10 Mac 2008</b> .
26.	Wakil Juruteknik mencadangkan agar ahli MBJ Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor diberikan peluang dan kuota bagi menyertai <b>Lawatan Kesedaran / Bina Insan ke Kampuchea</b> .	Y.Bhg. Dato' Pengerusi <b>bersetuju</b> agar <b>tiga (3) kuota</b> bagi setiap siri lawatan dikhaskan untuk para perwakilan MBJ Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor.  Bagi fasa pertama, seorang wakil MBJ iaitu <b>Puan Noranisha Binti Shafiei</b> telah diberikan peluang mengikuti lawatan ini ( <b>Siri 2 Tahun 2007</b> ) pada <b>28-31 Julai 2007</b> lalu.
27.	Wakil Pegawai Khidmat Pelanggan mencadangkan agar <b>semua aktiviti</b> yang dianjurkan di Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor <b>dimaklumkan kepada Pegawai Khidmat Pelanggan</b> supaya <b>hebahan</b> kepada semua Bahagian / Seksyen / Unit dapat dilaksanakan.	

Bil.	Usul Yang Dibangkitkan	Tindakan / Maklumbalas Status
28.	<p>Y.Bhg. Dato' Pengerusi mencadangkan agar sebuah <b>kaunter khas menempatkan Pegawai Khidmat Pelanggan di ruang legar utama</b> Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor diwujudkan bagi kemudahan orang awam berurusan. Sehubungan dengan itu, Unit Pengurusan Bangunan diarahkan agar mengkaji cadangan ini dengan teliti.</p>	<p>Bahagian Korporat akan <b>menaiktaraf Kaunter Pertanyaan di Ruang Legar, Bangunan SSAAS</b> dan menempatkan <b>Pegawai Khidmat Pelanggan</b> untuk kemudahan pelawat yang berurusan di Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor.</p>
29.	<p>Wakil Pembantu Tadbir (Kesetiausahaan) mencadangkan agar PA dibekalkan dengan <b>Elaun Telefon Bimbit</b> seperti mana diperuntukkan kepada pemandu Ketua Jabatan.</p>	
30.	<p>Wakil Bangunan SUK 2 memaklumkan bahawa <b>laluan ke tempat letak kereta di Bangunan SUK 2 terlalu sempit</b> sehingga menyebabkan beberapa buah kereta bergesel dengan dinding bangunan. Selain itu, <b>banjir</b> selepas setiap kali hujan lebat di tempat letak kereta di Bangunan SUK 2 turut memburukkan keadaan sedia ada sehingga menimbulkan kerisauan kakitangan setiap kali hujan berlarutan.</p>	

Bil.	Usul Yang Dibangkitkan	Tindakan / Maklumbalas Status
31.	<p><b>Lawatan Kerja MBJ ke Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri lain</b> bagi memberikan pendedahan dan pengalaman di samping berkongsi pendapat memantapkan pengurusan MBJ di Pejabat SUK Selangor.</p>	<p>Program Lawatan Kerja MBJ Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor ke <b>Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah</b> telah diadakan pada <b>11-14 Jun 2007</b>. Pelbagai perkongsian ilmu dan pengalaman telah diperolehi sepanjang program ini dijalankan.</p>
32.	<p>Wakil Pembantu Tadbir (Kewangan) memohon agar <b>kekosongan jawatan Pembantu Tadbir Kanan dan Penolong Akauntan diisi segera</b> bagi menampung beban tugas sedia ada.</p>	<p>BPSM telah mengisi kekosongan jawatan Penolong Akauntan di Bahagian Kewangan pada <b>1 Januari 2008</b>.</p>
33.	<p>Wakil Pembantu Tadbir (Kewangan) memohon agar BPSM menganjurkan <b>kursus khusus berhubung BITK</b> untuk memperkayakan ilmu pengetahuan dan persediaan menghadapi peperiksaan.</p>	<p>BPSM telah mengadakan <b>tiga (3) siri Kursus Pengurusan Kewangan</b> iaitu pada 23-25 Mac 2007 (Concorde Inn, Sepang), 27-29 Mei 2007 (Hotel Seri Malaysia, Bagan Lalang) dan 27-29 Julai 2007 (Fraser Hill, Pahang).</p>
34.	<p>Wakil Penolong Pegawai Tadbir memohon agar <b>kemudahan penghawa dingin berasingan</b> disediakan di semua bilik. Hal ini menimbulkan ketidakselesaan di kalangan pegawai sekiranya menjalankan tugas di luar waktu pejabat.</p>	<p>Kemudahan penghawa dingin berasingan bagi setiap bilik masih <b>belum boleh dilaksanakan</b>, memandangkan pematuhan kepada langkah penjimatan Kerajaan Negeri. Pembelian Harta Modal tidak dibenarkan selaras dengan <b>Surat Hebahan SUK Bilangan 36 Tahun 2007</b>.</p>

Bil.	Usul Yang Dibangkitkan	Tindakan / Maklumbalas Status
35.	Wakil Penolong Pegawai Teknologi Maklumat (PPTM) memohon agar <b>jawatan PPTM ini ditambah</b> dan di samping itu, memberikan <b>peluang kakitangan kontrak diberikan pertimbangan untuk menjawat jawatan bertaraf tetap.</b>	
36.	Wakil PPTM memohon agar BPSM menganjurkan <b>kursus-kursus terkini berkenaan teknologi maklumat</b> untuk menambah pengetahuan dan kemahiran dari semasa ke semasa.	Pusat Teknologi Maklumat & Komunikasi (PTMK) akan mengadakan kursus ini pada <b>17-21 Mac 2008 (Siri 1) dan 21-23 April 2008 (Siri 2)</b> . Kursus-kursus lain akan dilaksanakan atas permintaan dari semasa ke semasa.
37.	Wakil Operasi Mesin Prosesan Data (OMPD) memohon agar <b>Elaun Pakaian Panas dinaikkan daripada RM150.00 kepada RM300.00 sehelai</b> memandangkan peningkatan kos semasa.	
38.	Wakil PAP memohon agar <b>Kertas Soalan PTK diberikan kepada calon</b> supaya boleh dijadikan sebagai rujukan.	

Bil.	Usul Yang Dibangkitkan	Tindakan / Maklumbalas Status
39.	Wakil PAP turut mencadangkan agar <b>kemudahan penghawa dingin dipasang di surau SUK</b> bagi menambah tahap keselesaan di kalangan kakitangan dan orang awam yang menggunakannya.	Cadangan menyediakan kemudahan ini di Surau SUK akan <b>dilaksanakan secara berperingkat-peringkat</b>
40.	Y.Bhg. Dato' Pengerusi mengarahkan agar BPSM menganjurkan <b>kursus pemanduan dan penyelenggaraan kenderaan 4x4</b> kepada pemandu SUK.	Kursus ini telah diadakan pada <b>20-21 Julai 2007</b> melibatkan seramai <b>35 orang</b> pemandu di <b>Slim River, Perak</b> .  Y.Bhg. Dato' Pengerusi mengarahkan agar kursus ini diteruskan di masa akan datang iaitu <b>sekali setahun</b> . Kursus seumpama ini baik untuk <b>mempertingkatkan kemahiran</b> dan <b>memperbaiki komunikasi</b> di kalangan pemandu.
41.	Maklumat MBJ Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor di dalam <b>laman web Kerajaan Negeri Selangor</b> .	Urus setia BPSM dan pihak Pusat Teknologi Maklumat Dan Komunikasi telah bekerjasama menyediakan <b>sudut khas MBJ di dalam laman web Kerajaan Negeri Selangor</b> . BPSM akan mengemaskini maklumat dari semasa ke semasa bagi memastikan maklumat yang dipaparkan sentiasa <i>up to date</i> .

Bil.	Usul Yang Dibangkitkan	Tindakan / Maklumbalas Status
42.	Wakil Penolong Pegawai Tadbir mencadangkan agar BPSM menganjurkan <b>kursus bimbingan PTK kepada Kumpulan Pengurusan Dan Profesional dan Kumpulan Sokongan I.</b>	
43.	Wakil PPTM mencadangkan agar urusan tuntutan <b>Elaun Kerja Lebih Masa</b> dilaksanakan secara <b>atas talian (online)</b> bagi memudahkan perkiraan dan <i>centralized</i> .	KPSU(Kewangan) memaklumkan prosedur tuntutan elaun perlu <b>diuruskan secara manual</b> bagi memastikan setiap perincian dokumen diteliti dengan cermat. Y.Bhg. Dato' mengalu-alukan idea penambahbaikan prosedur sedia ada demi kebaikan semua pegawai dan kakitangan.
44.	Permohonan daripada <b>Juruteknik</b> , Pusat Teknologi Maklumat Dan Komunikasi untuk <b>menganggotai MBJ</b> Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor.	Y.Bhg. Dato' Pengerusi bersetuju melantik <b>Encik Amirhisham Bin Akaludin, Juruteknik Komputer, Gred FT17 PTMK selaku Wakil Juruteknik</b> . Surat Pelantikan telah disediakan oleh urus setia dan ditandatangani oleh Y.Bhg. Dato' Pengerusi pada <b>31 Disember 2007</b> .
45.	Wakil OMPD memohon agar <b>kursus bimbingan atau sesi Latihan Ujian Kederasan (trial)</b> diadakan khusus untuk OMPD yang baru dilantik.	BPSM telah mengadakan Latihan Ujian Kederasan Bagi Hadiah Kenaikan Pangkat OMPD pada <b>22-26 Oktober 2007</b> lalu. Secara keseluruhannya, seramai <b>12 orang</b> OMPD yang telah mengikuti sesi latihan ini.

Bil.	Usul Yang Dibangkitkan	Tindakan / Maklumbalas Status
46.	Wakil Pembantu Am Pejabat (PAP) memaklumkan masih terdapat beberapa PAP yang kurang mahir mengendalikan komputer. Sehubungan dengan itu, wakil PAP mencadangkan agar <b>sesi latihan</b> atau <b>kursus kemahiran komputer</b> dilaksanakan di masa akan datang.	<b>Kursus Kecemerlangan PAP</b> telah diadakan pada <b>19-21 Julai 2007 di Rumah Peranginan Negeri Sembilan</b> . Kursus ini melibatkan seramai <b>40 orang</b> PAP daripada pelbagai Jabatan / Agensi di Negeri Selangor.
47.	Wakil PAP turut mencadangkan agar pihak pengurusan <b>menambah bilangan kemudahan peti surat</b> khusus untuk <b>12 Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)</b> di Lobi Bangunan SSAAS. Peti surat sedia ada hanya meliputi Pejabat Daerah / Tanah dan Jabatan / Agensi di Pejabat SUK sahaja.	UPB-SSAAS telah menambah sebanyak <b>12 peti surat baru</b> di lobi Bangunan SSAAS untuk memudahkan urusan surat-menyurat antara jabatan.
48.	Wakil pemandu memohon agar pihak pentadbiran membekalkan <b>songkok hitam</b> kepada setiap pemandu bagi memudahkan urusan keluar masuk di Istana. Selain itu, wakil turut memohon dibekalkan <b>baju sejuk</b> bagi setiap pemandu.	BKP telah membuat <b>penempahan</b> bagi membekalkan songkok hitam kepada para pemandu pada <b>16 Januari 2008</b> .

Bil.	Usul Yang Dibangkitkan	Tindakan / Maklumbalas Status
49.	Wakil Pembantu Penguatkuasa memohon agar perkhidmatan anggota Pembantu Penguatkuasa yang <b>telah lama berkhidmat dan tiada kelulusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)</b> supaya <b>diteruskan kontrak</b> sehingga umur Persaraan Wajib atau diserap ke <b>Jawatan Tetap</b> .	<b>Mesyuarat Penyelarasan Perjawatan Pembantu Penguatkuasa (Kontrak)</b> telah diadakan pada <b>20 November 2007</b> lalu. Antara lain, mesyuarat telah memutuskan Pembantu Penguatkuasa (Kontrak) yang gagal dan tidak layak menjawat jawatan tersebut akan <b>diberikan peluang</b> meneruskan perkhidmatan masing-masing. Namun yang demikian, <b>tempoh perkhidmatan</b> kontrak berkenaan bergantung kepada <b>Laporan Penilaian Prestasi Tahunan (LNPT)</b> dan <b>Perjanjian Kontrak</b> .
50.	Wakil Pembantu Tadbir (Perkeranian / Operasi) mencadangkan pihak UPB-SSAAS memberikan <b>tunjuk ajar cara menyambungkan panggilan telefon</b> ke mana-mana pegawai bagi melancarkan perhubungan inter dan intra jabatan.	UPB-SSAAS akan mengeluarkan <b>pekeliling berkaitan prosedur meyambungkan panggilan telefon</b> kepada pegawai atau kakitangan tertentu bagi melancarkan perhubungan inter dan intra jabatan.
51.	wakil PT(P/O) mencadangkan agar <b>gambar Pegawai-pegawai Kanan, Ketua-ketua Jabatan dan pegawai baru dipaparkan</b> di televisyen plasma lobi Bangunan SSAAS untuk makluman kakitangan dan orang awam.	UPB-SSAAS akan memaparkan gambar para Pegawai Kanan dan Ketua-ketua Jabatan yang <b>dikemaskini dari semasa ke semasa</b> di TV plasma Lobi Bangunan SSAAS untuk rujukan orang awam yang berurusan di Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor.



Bil.	Usul Yang Dibangkitkan	Tindakan / Maklumbalas Status
52.	Wakil PT(P/O) mencadangkan agar <b>Kursus Bimbingan PTK</b> diadakan sama ada di <b>Bangunan ANNEX atau Ballroom Dewan Jubli Perak</b> . Manakala slot ceramah disampaikan oleh para <b>pegawai BPSM</b> .	
53.	Setiausaha Bahagian (KP) mencadangkan agar dalam proses pemilihan jawatan <b>pemandu</b> di masa akan datang, pihak Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Selangor (SPANS) memberikan <b>keutamaan kepada calon yang memiliki Lesen E</b> bagi menjimatkan kos.	
54.	Y.Bhg. Dato' mencadangkan agar pihak PTMK menyediakan <b>kemudahan komputer di Bilik Pemandu</b> bagi memudahkan sebarang urusan seperti tuntutan elaun bulanan.	Pihak PTMK akan menyediakan sebuah komputer di dalam Bilik Pemandu kelak.

Bil.	Usul Yang Dibangkitkan	Tindakan / Maklumbalas Status
55.	Perwakilan Juruteknik memohon agar pihak urus setia menyediakan <b>pakaian rasmi khusus untuk para perwakilan MBJ Sesi 2006-2008</b> seperti mana sesi yang terdahulu.	<p>Semua Perwakilan Pihak Pegawai dan Pekerja telah dibekalkan dengan <b>sepasang set blazer rasmi MBJ khas untuk sesi 2006-2008</b>. Sehubungan dengan itu, setiap perwakilan perlu memakai blazer rasmi ini dalam setiap program / aktiviti yang dianjurkan berkaitan MBJ di peringkat negeri mahu pun kebangsaan.</p> <p>Secara keseluruhannya, sebanyak 35 pasang blazer telah ditempah dan diserahkan kepada para Perwakilan pada <b>11 Mac 2008</b>.</p>
56.	Wakil Juruteknik mengusulkan agar <b>23 orang kakitangan berstatus tetap dan tiga (3) orang kakitangan yang berstatus kontrak di UPB-SSAAS dikekalkan sebagai kakitangan Kerajaan</b> kerana terdapat cadangan menswastakan UPB-SSAAS kelak.	Pegawai dan kakitangan UPB-SSAAS akan <b>diberikan pilihan sama ada kekal dalam perkhidmatan awam atau swasta</b> . Bagi pegawai dan kakitangan yang memilih untuk kekal dalam perkhidmatan awam, mereka akan <b>ditempatkan di Jabatan / Agensi Kerajaan Negeri Selangor yang bersesuaian</b> .
57.	Wakil PAP menyarankan agar <b>Kursus Bimbingan PTK</b> seperti yang telah dilaksanakan oleh BPSM pada <b>27 Ogos 2007</b> lalu <b>diteruskan bagi setiap siri peperiksaan akan datang</b> kerana ianya bermanfaat sebagai persediaan awal menghadapi peperiksaan.	BPSM akan melaksanakan <b>kursus bimbingan secara bersiri mulai bulan Mac 2008</b> .

Bil.	Usul Yang Dibangkitkan	Tindakan / Maklumbalas Status
58.	Wakil PAP mencadangkan agar <b>BKP menimbang keperluan menambah bilangan kuota khusus bagi PAP dalam penganugerahan APC</b> saban tahun kerana jumlah PAP yang sedia ada semakin ramai dan secara tidak langsung memberikan motivasi untuk sentiasa memberikan perkhidmatan yang terbaik.	BPSM akan membangkitkan usul semasa mesyuarat <b>Panel Pembangunan Sumber Manusia (PPSM)</b> yang dijadualkan berlangsung pada bulan April kelak.
59.	Wakil PAP turut memohon agar <b>pembayaran Anjakan Gaji dipercepatkan</b> bagi kakitangan yang telah melepasi tahap kompetensi Aras 4. Hal ini kerana terdapat beberapa kakitangan yang mengadu pembayaran dilaksanakan agak lewat.	Keputusan pegawai dan kakitangan yang layak mendapat Anjakan Gaji Tahunan akan dikemukakan ke Bahagian Kewangan dalam <b>tempoh tujuh (7) hari selepas PPSM bersidang saban tahun</b> . Pegawai dan kakitangan perlu mengetahui bahawa <b>keputusan PTK Aras 4 tidak melayakkan seseorang memperolehi Anjakan Gaji Tahunan secara automatik</b> . Hal ini kerana terdapat kriteria lain yang perlu diteliti termasuk <b>prestasi tahunan</b> dan <b>perakuan Ketua Jabatan</b> masing-masing.

Bil.	Usul Yang Dibangkitkan	Tindakan / Maklumbalas Status
60.	<p>Wakil Pembantu Tadbir (Kewangan) mencadangkan agar BPSM menimbangkan keperluan mengadakan sesi permohonan dan kelulusan <b>Program Pinjaman Pelajaran Negeri Selangor</b> sebanyak <b>dua (2) kali setahun</b>. Hal ini kerana pengambilan sesi Disember saban tahun terpaksa menunggu masa yang lama untuk mendapat kelulusan.</p>	<p>Lembaga Tabung Kumpulan Basiswa Negeri Selangor (LTKWBNS) telah memutuskan bahawa tawaran pinjaman pelajaran tersebut hanya <b>dilaksanakan sekali sahaja setiap tahun</b>, memandangkan bilangan calon-calon Institut Pengajian Tinggi Awam / Swasta yang memohon pada bulan November dan Disember (<i>second intake</i>) iaitu selepas keputusan peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) dan Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) diumumkan. Walau bagaimanapun, calon-calon <i>second intake</i> ini masih berpeluang untuk memohon pinjaman yang ditawarkan mulai pada bulan April setiap tahun.</p>
61.	<p>Wakil Pembantu Tadbir (Kewangan) mencadangkan agar pihak pengurusan memberikan <b>hadiah penghargaan kepada para pegawai dan kakitangan yang telah bersara dan berkhidmat melebihi 20 tahun</b> sebagai insentif dan galakan semangat memberikan perkhidmatan yang terbaik di masa akan datang.</p>	<p>Urus setia akan menganjurkan <b>majlis khas</b> bagi meraikan enam (6) orang kakitangan Kumpulan Sokongan yang bersara pada tahun 2007 dan enam (6) orang kakitangan Kumpulan Sokongan yang bersara pada tahun 2008.</p>

Bil.	Usul Yang Dibangkitkan	Tindakan / Maklumbalas Status
62.	Wakil Pengawal Keselamatan mencadangkan agar pihak pengurusan menyediakan kemudahan <b>van jenazah</b> khusus untuk kakitangan dan ahli keluarga yang meninggal dunia. Sekiranya kemudahan ini disediakan, kakitangan tidak perlu menyewa van jenazah di luar dengan kadar sewaan yang tinggi.	Perkara ini <b>masih dalam peringkat perbincangan dengan pihak pembekal</b> dan diuruskan oleh Bahagian Kewangan.
63.	Wakil Pembantu Penguatkuasa memohon agar pihak pengurusan <b>mengekalkan penempatan anggota Penguatkuasa yang berjaya ke jawatan tetap di Kuarters SUK</b> demi tidak menjejaskan persekolahan anak-anak khususnya yang bakal menduduki peperiksaan penting pada tahun ini.	BKP memaklumkan <b>tiada sebarang perubahan penempatan</b> Pembantu Penguatkuasa yang dilantik secara Tetap melainkan atas permohonan sendiri.
64.	Wakil Juruteknik Komputer memohon agar pihak pengurusan membekalkan <b>pakaian seragam kepada Juruteknik Komputer</b> khususnya semasa menjalankan tugas luar sesuatu program anjuran Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor mahu pun Jabatan lain.	Sebanyak <b>enam (6) pasang vest</b> telah ditempah dan dijadualkan siap pada bulan Mac 2008.

Bil.	Usul Yang Dibangkitkan	Tindakan / Maklumbalas Status
65.	<p>Wakil Juruteknik Komputer memohon agar BPSM <b>menyegerakan proses pengisian jawatan Juruteknik Komputer di semua sembilan (9) daerah</b> kerana setakat ini, Penolong Pegawai Teknologi Maklumat, Gred F29 perlu mengambil alih tugas Juruteknik Komputer seperti membaikpulih peralatan komputer.</p>	<p>BPSM akan melaksanakan pengisian jawatan Juruteknik Komputer selepas mendapat <b>senarai calon yang berjaya daripada SPANS.</b></p>
66.	<p>Wakil Pembantu Tadbir (P/O) memohon agar pihak pengurusan mengenalpasti <b>punca masalah dan memperbaiki sistem lif di Podium Utara Bangunan SSAAS</b> kerana kebelakangan ini kerosakan teknikal kerap berlaku. Hal ini menyebabkan para pegawai dan kakitangan yang bekerja di Podium Utara perlu menunggu lama dan bersesak di dalam lif. Masalah ini diburukkan lagi sekiranya berlaku kerosakan pada salah satu lif berkenaan.</p>	<p>UPB-SSAAS memaklumkan kekerapan kerosakan pada lif di Bangunan SSAAS disebabkan oleh beberapa peralatan antaranya <b>contactor, holding coil, micro switch, belt dan KT Cutter</b>. Pihak UPB-SSAAS telah menghantar surat kepada syarikat penyelenggara pada 19 Disember 2007 lalu untuk membaiki masalah tersebut dengan kadar segera.</p> <p>Pihak syarikat juga telah dipanggil untuk menerangkan punca kerosakan dan diingatkan supaya masalah ini tidak berulang lagi.</p>

Bil.	Usul Yang Dibangkitkan	Tindakan / Maklumbalas Status
67.	<p>Wakil Pegawai Tadbir LUAS memohon agar pihak pengurusan <b>meningkatkan tahap kawalan keselamatan di Bangunan SUK 2</b> kerana didapati orang awam boleh menaiki lif sesuka hati tanpa perlu mendaftarkan diri di kaunter terlebih dahulu, sekali gus mendedahkan para pegawai dan kakitangan yang bertugas di Bangunan SUK 2 kepada masalah.</p>	
68.	<p>Wakil Pegawai Tadbir LUAS memaklumkan pihak pengurusan LUAS telah menetapkan pemakaian pakaian korporat yang sama dengan pakaian korporat Kerajaan Negeri Selangor. Namun yang demikian, berlaku <b>kekeliruan tentang keperluan pemakaian baju korporat ini sama ada perlu dipakai setiap hari (hari bekerja) atau hanya pada hari tertentu sahaja.</b></p>	<p>Pemakaian baju korporat berkenaan adalah <b>setiap hari (hari bekerja) kecuali pada 1 dan 15 haribulan setiap bulan</b> yang memerlukan penjawat awam memakai baju batik. Pengecualian juga diberikan kepada para pegawai dan kakitangan yang perlu menghadiri program / aktiviti di peringkat Persekutuan. Selain itu, arahan penuh berhubung perkara ini perlu dirujuk kepada <b>Surat Hebahan SUK Bilangan 44 Tahun 2007.</b></p>

Bil.	Usul Yang Dibangkitkan	Tindakan / Maklumbalas Status
69.	Wakil PPTM memohon agar pihak pengurusan mempertimbangkan penyediaan <b>perkhidmatan bas 'shuttle' ke Masjid Negeri pada setiap hari Jumaat</b> untuk kemudahan para pegawai dan kakitangan lelaki melaksanakan solat jumaat tanpa perlu memikirkan kesukaran meletakkan kenderaan di kawasan masjid.	